



UNIVERSITI
MALAYSIA
PERLIS

UniMAP

UniMAP 2025

KANDUNGAN

1. Visi dan Misi UniMAP	4
2. Kata Alu-Aluan Pengerusi Lembaga Pengarah Universiti	5
3. Kata Alu-Aluan Naib Canselor	6
4. UniMAP 2025 - 4.0: Perkongsian Memacu Pembangunan	8
5. Kerangka Strategik UniMAP 2025	9
6. Merealisasikan UniMAP 2025	11
7. Matlamat dan Objektif Strategik	12
Pengajaran Berpaksikan Inovasi	13
OS1: Memantapkan sistem pendidikan berintegrasi	15
OS2: Mewujudkan makmal industri	15
OS3: Membangunkan platform <i>telepresence</i>	16
Penyelidikan Translasional	17
OS4: Memperoleh pengiktirafan nasional dan global	20
OS5: Meningkatkan bilangan pemegang PhD	20
OS6: Melonjakkan inovasi dan penyelidikan	21
OS7: Membudayakan tanggungjawab sosial universiti (USR)	21
Siswazah Siaga-Industri	22
OS8: Melahirkan siswazah diterima MNC/GLC	24
OS9: Menghasilkan pelajar CGPA > 3.00	24
OS10: Memperkasakan program TVET	25
OS11: Mengukuhkan kebolehpasaran siswazah	25

KANDUNGAN

8. Pemangkin: Faktor Kritikal Kejayaan	26
Mencipta Kekayaan	27
OS12: Melibatkan UniMAP dalam Jaringan Amalan Terbaik (<i>Best Practices Network</i>)	29
OS13: Memperoleh dana penyelidikan	29
OS14: Meningkatkan nilai endowmen	30
OS15: Memperkasakan dana keusahawanan	30
OS16: Memampankan kewangan	31
Mencemerlangkan Bakat	32
OS17: Mengiktiraf staf yang dihargai pada pelbagai peringkat	34
OS18: Menawarkan program sangkutan (<i>attachment</i>) kepada staf	34
OS19: Menggalakkan pembelajaran sepanjang hayat	35
OS20: Membangunkan program Kepimpinan Cemerlang	35
Memantapkan Infrastruktur	36
OS21: Meningkatkan kualiti kemudahan makanan dan minuman	38
OS22: Meningkatkan kualiti kemudahan prasarana	38
OS23: Meningkatkan kualiti kemudahan pengangkutan	39
Mengukuhkan Infostruktur	40
OS24: Menaik taraf sistem komunikasi	42
9. Ringkasan Pengukur Prestasi Utama (KPI) & Sasaran	43

Visi

Institusi akademik dan penyelidikan yang berdaya saing
di persada antarabangsa

Misi

Melahirkan insan kamil yang menyumbang kepada
agenda pembangunan dan daya saing industri negara

KATA ALU-ALUAN

Pengerusi Lembaga Pengarah Universiti

Terima kasih dan tahniah saya ucapkan kepada semua yang terlibat dalam membangunkan Pelan Strategik UniMAP 2025. Bukan sesuatu yang mudah untuk kita memikirkan apa yang perlu kita lakukan dalam tempoh masa ke hadapan yang agak lama. Keadaan menjadi lebih kompleks apabila persekitaran global adalah begitu dinamik dan sentiasa berubah-ubah yang lantas menuntut warga universiti turut sama bertindak senada dengan perubahan tersebut. Universiti era IR4.0 tidak lagi mampu kekal atas pendirian bahawa peranan universiti semata-mata adalah untuk pemerolehan ilmu. Soalan yang perlu ditanya di sebalik segala fungsi kita di universiti ialah pemerolehan ilmu untuk apa dan siapa? Sebagai sebuah universiti awam, kesejahteraan sosioekonomi negara menjadi tuntutan utama yang perlu dipenuhi oleh UniMAP. Justeru, saya berpendapat bahawa tema 4.0 Perkongsian Memacu Pembangunan amat bertepatan sekali dalam konteks ini. UniMAP tidak boleh dan tidak akan mampu bergerak bersendirian. Perkongsian dengan semua pihak berkepentingan dalam kalangan masyarakat dan industri akan menjadi tonggak kepada kejayaan UniMAP 2025.

Cabaran kepada warga UniMAP sekarang ialah bagaimana untuk merealisasikan hasrat yang dinyatakan dalam pelan UniMAP 2025. Kebersamaan semua pihak di UniMAP menjadi pra-syarat kepada kejayaan pelaksanaan pelan ini. Justeru saya menggalakkan setiap warga UniMAP meneliti dan memahami hala tuju universiti ini menuju ke arah 2025.

Saya berharap pelaksanaan pelan ini akan dapat mencemerlangkan pengajaran dan pembelajaran di UniMAP, serta memeriahkan lagi aktiviti inovasi dan penyelidikan untuk manfaat manusia sejagat. UniMAP memainkan peranan penting dalam pembangunan negara, dari aspek pembangunan kapasiti intelek dan penghasilan produk untuk kekuatan ekonomi. Saya berpandangan bahawa aspirasi UniMAP untuk menjadi antara 500 terbaik dunia akan tercapai apabila ikhtiar dan usaha difokuskan kepada teras utama universiti, InsyaAllah.

Tahniah dan selamat berjuang.

YBhg. Dato' Dr. Mohd Sofi bin Osman



KATA ALU-ALUAN

Naib Canselor

UniMAP mempunyai cita-cita besar. Sasaran untuk menjadi antara 500 universiti terbaik dunia menjelang tahun 2020 menjadi antara sumber motivasi untuk semua warga mengorak langkah ke hadapan dengan begitu bersemangat. Kita kekal berdiri teguh dengan bidang tujahan UniMAP - *Kejuruteraan, Teknologi Kejuruteraan, Teknologi, Sains dan bidang lain yang diperlukan dengan mengutamakan industri elektronik.*

Pada masa yang sama, kita perlu peka terhadap perkembangan pengajian tinggi global dan perubahan persekitaran yang begitu dinamik. Justeru UniMAP 2025 ialah kesinambungan kepada, dan hasil daripada, semakan semula Pelan Strategik UniMAP 2016-2020. Banyak yang telah kita capai, tapi perjalanan kita akan sentiasa memerlukan kita berhenti sejenak dan menilai samada kita berada di atas landasan yang bersesuaian. Era Revolusi Industri 4.0 (IR4.0) menuntut kepada transformasi pemikiran, cara kerja dan tindakan, serta penilaian semula strategi universiti, tanpa kita berganjak daripada fokus dan hasrat kecemerlangan UniMAP.

UniMAP 2025 adalah respon universiti terhadap IR4.0 dan pada masa yang sama juga ialah pendekatan proaktif dalam memastikan universiti ini kekal relevan dalam agenda pembangunan negara menjelang tahun 2025 dan seterusnya.

Kita masih memberi keutamaan kepada kecemerlangan pengajaran dan pembelajaran, dan penyelidikan dalam usaha menghasilkan warga global yang mampu memenuhi keperluan industri dan pembangunan negara. Kita juga akur akan keperluan kemampuan kewangan di UniMAP. Perkembangan yang sama berlaku di negara luar, dan saya fikir ia perkembangan yang positif yang hanya akan memaksa kita berfikir dengan lebih inovatif dan kreatif untuk memastikan kita mempunyai ruang kewangan untuk bergerak dengan selesa dan secara berhemah.

Untuk kejayaan matlamat strategik UniMAP 2025, kita juga memberi tumpuan kepada faktor kejayaan kritikal, yang selain kewangan, juga merangkumi pemantapan kapasiti bakat, infrastruktur dan infostruktur.




Objektif strategik dan indikator yang ditetapkan dalam pelan UniMAP 2025 menggambarkan komitmen kita untuk mencapai hasrat Visi dan Misi UniMAP. Saya yakin cita-cita besar UniMAP akan dicapai, Insyaallah, dengan usaha kita bersama. Pengemblengan usaha, tenaga dan perkongsian buah fikiran sesama warga UniMAP, dan dengan rakan strategik kita akan membuahkan hasil jika kita sama-sama faham hala tuju yang kita inginkan. Pada masa yang sama, adalah penting untuk kita amalkan sikap saling hormat-menghormati, dan rasa cinta terhadap semua yang berada di sekeliling kita serta terhadap apa yang kita lakukan. Hanya dengan perasaan itu sahaja kita akan dapat melaksanakan amanah dan tanggung jawab kita dengan penuh motivasi dan keceriaan.

Marilah kita mengorak langkah ke arah UniMAP 2025- *4.0 Perkongsian Memacu Pembangunan* - untuk kesejahteraan universiti, industri, komuniti dan negara.

YBhg Ts. Dato' Prof. Dr. Zul Azhar bin Zahid Jamal

UniMAP 2025

4.0: PERKONGSIAN MEMACU PEMBANGUNAN



UniMAP 2025

4.0: PERKONGSIAN MEMACU PEMBANGUNAN


Dinamika ekosistem pendidikan tinggi serta persekitaran global menuntut kepada semakan semula Pelan Strategik sedia ada, dalam memastikan UniMAP kekal sebagai sebuah institusi yang relevan kepada pembangunan negara. Justeru, UniMAP 2025 dihasilkan sebagai penambahbaikan dan kesinambungan kepada Pelan Strategik UniMAP 2016-2020. Selain dokumen Pelan Strategik UniMAP 2016-2020, pembangunan UniMAP 2025 juga merujuk kepada Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (Pendidikan Tinggi) 2015-2025, dasar-dasar utama Negara, keperluan sistem penarafan dan pengurusan kualiti di universiti serta tuntutan-tuntutan kualiti teras di universiti awam di Malaysia. Pada masa yang sama, bidang tujuhan UniMAP - *Kejuruteraan, Teknologi Kejuruteraan, Teknologi, Sains dan bidang lain yang diperlukan dengan mengutamakan industri elektronik* - mendahului kesemua pertimbangan yang telah diambil.

Abad ke-21 menyaksikan Revolusi Industri 4.0 yang menuntut kepada perubahan cara kerja, penilaian semula kurikulum dan keperluan mempersiapkan bakal graduan dengan senjata ampuh untuk mengharungi dunia pasca-universiti yang semakin ketara dalam sifat ketidak-tentuan. Atas pertimbangan tersebut, UniMAP 2025 dibangunkan dengan berpaksikan tema 4.0: *Perkongsi Memacu Perubahan*.

4.0: *Perkongsi Memacu Perubahan* memberi pengiktirafan kepada teknologi termaju yang menjadikan dunia kita semakin kecil dan pantas. Justeru, perkongsian antara pihak-pihak berkepentingan sahajalah yang akan dapat memacu pembangunan di UniMAP, dan seterusnya menyumbang kepada kesejahteraan sosioekonomi negara. Perkongsian yang dimaksudkan melibatkan empat pihak utama: Universiti - Industri - Kerajaan - Komuniti, dalam memacu pembangunan dalam empat fokus utama UniMAP2025: Pengajaran Berpaksikan Inovasi, Penyelidikan Translasi, Siswazah Siaga-Industri dan Penciptaan Kekayaan.

Keempat-empat aspek ini merujuk kepada definisi kecemerlangan sesebuah institusi pendidikan tinggi - cemerlang dalam pengajaran, unggul dalam penyelidikan dan inovasi, yang seterusnya menghasilkan warga global yang siaga-industri, serta kemampunan kewangan yang akan menyumbang kepada kelestarian, kecekapan dan keberkesanan UniMAP. Matlamat strategik Pengajaran Berpaksikan Inovasi, Penyelidikan Translasi, dan Siswazah Siaga-Industri adalah bersifat keberhasilan sementara Penciptaan Kekayaan bersifat sebagai pemangkin utama dalam usaha mencapai keberhasilan yang ditetapkan. Faktor-faktor kritikal kejayaan lain yang juga relevan, ke arah pencapaian matlamat strategik, ialah Kecemerlangan Bakat, Pemantapan Infrastruktur dan Pengukuhan Infostruktur.

KERANGKA STRATEGIK UniMAP 2025



MERELISASIKAN UniMAP 2025

UniMAP 2025 memberi tumpuan kepada tiga matlamat strategik bersifat keberhasilan: Pengajaran Berpaksikan Inovasi, Penyelidikan Translational dan Siswazah Siaga-Industri. Sebagai pemangkin kepada keberhasilan yang telah dikenal pasti; empat faktor kritikal kejayaan telah ditetapkan, dalam usaha memastikan objektif strategik dapat dipenuhi dan seterusnya membawa kepada kejayaan UniMAP 2025. Salah satu daripadanya termasuk matlamat strategik Mencipta Kekayaan. Untuk mencapai setiap matlamat tersebut, UniMAP telah menentukan objektif strategik, pengukur prestasi utama (KPI) dan sasaran yang perlu dicapai.

Kejayaan UniMAP 2025 menuntut komitmen daripada semua warga UniMAP. Segala usaha perlu bersifat kolektif, kolejial dan demokratik. Pendekatan yang diambil dalam proses strategik ini berlandaskan prinsip mudah cara. Segala usaha dan pencapaian akan dipantau dan dilapor secara berkala berdasarkan KPI yang ditetapkan.

Untuk tujuan pelaksanaan dan pemantauan yang realistik dan efektif, inisiatif UniMAP 2025 dibahagikan kepada tiga fasa pelaksanaan: Fasa 1: 2018-2019, Fasa 2: 2020-2022, dan Fasa 3: 2023-2025 dengan 24 objektif strategik. Sepanjang tempoh lapan tahun pelaksanaan, adalah dijangkakan bahawa matlamat dan objektif strategik UniMAP 2025 akan kekal dan terus diperkukuhkan manakala KPI dan sasaran akan berubah berdasarkan pencapaian berterusan dan perubahan semasa senario pendidikan tinggi dan persekitaran global.

Setiap langkah merealisasikan UniMAP 2025 akan berpandukan nilai teras UniMAP

MATLAMAT STRATEGIK

- **PENGAJARAN BERPAKSIKAN INOVASI**
- **PENYELIDIKAN TRANSLASIONAL**
- **SISWAZAH SIAGA-INDUSTRI**



PENGAJARAN BERPAKSIKAN INOVASI



PENGAJARAN BERPAKSIKAN INOVASI: Objektif Strategik

Industri 4.0. menuntut kepada transformasi pengajaran di UniMAP. Penggunaan teknologi yang meluas bukan saja memberi kesan kepada proses pengajaran dan pembelajaran di UniMAP tetapi juga dapat dimanfaatkan dalam proses pendidikan. Sebagai universiti yang memainkan peranan yang utama dalam mengurus perdanakan Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) [Lonjakan 4; PPPM(PT) 2015-2025], UniMAP optimis dan yakin segala cabaran untuk mentransformasi sistem pendidikan secara berterusan mampu dilaksanakan dengan memberi tumpuan kepada tiga objektif strategik yang telah dikenal pasti:

- OS1:** Memantapkan sistem pendidikan berintegrasi
- OS2:** Mewujudkan makmal industri
- OS3:** Membangunkan *platform telepresence*

Objektif Strategik 1: Memantapkan Sistem Pendidikan Berintegrasi

Sistem pendidikan berintegrasi (IES) merujuk kepada integrasi pembelajaran menggabungkan teknologi, pedagogi dan pemerolehan ilmu. Secara khusus ia merujuk kepada pembelajaran atas talian sepenuhnya (MOOC) dan/atau pendekatan pembelajaran teradun (*Lonjakan 9; PPPM(PT) 2015-2025*). MOOC ialah kaedah pembelajaran kursus secara atas talian yang diiktiraf, boleh diakses secara terbuka dan melibatkan pemindahan kredit. Manakala pembelajaran teradun merujuk kepada pembelajaran yang menggabungkan pendekatan pembelajaran mod atas talian dan penggunaan teknologi dengan mod bersemuka. Sistem pendidikan berintegrasi juga melibatkan aplikasi teknologi pembelajaran dan instrumen penilaian bagi mereka bentuk semula (*redesigning*) pendekatan pembelajaran abad ke-21.

KPI

Peratus pelaksanaan sistem pendidikan berintegrasi

INISIATIF

1. Memberi latihan dalam penggunaan IES kepada pensyarah
2. Melantik *master trainer* di setiap pusat pengajian/fakulti
3. Mewujudkan platform untuk IES
4. Menggunakan pendekatan *blended learning* dan *flipped classroom*
5. Membangunkan lebih banyak kursus MOOC
6. Memastikan IES dimasukkan dalam silibus kursus dan program pengajian yang ditawarkan
7. Melaksanakan OL/pentaksiran bersepadu
8. Membekalkan peluang untuk perkongsian amalan baik dan inovasi IES
9. Menggalakkan penglibatan pelajar dalam IES

Objektif Strategik 2: Mewujudkan Makmal Industri

Pembangunan makmal industri adalah berdasarkan hasrat untuk menghasilkan siswazah yang holistik dan meningkatkan kemahiran sosial dan berkomunikasi dalam kalangan graduan universiti. Makmal industri diwujudkan berorientasikan pendidikan dari perspektif industri dengan kaedah pengajaran teknikal secara terus kepada pelajar. Pendekatan pembelajaran melalui penggunaan makmal industri juga dijangka dapat membekalkan persediaan yang mencukupi dan mengasah kemahiran pelajar universiti untuk alam pekerjaan, serta meningkatkan kadar kebolehpasaran siswazah.

KPI

Peratus makmal industri

INISIATIF

1. Melengkapkan makmal pengajaran dengan kemudahan standard industri
2. Memperoleh pengiktirafan oleh industri (cth. Sijil Industri)
3. Menawarkan khidmat kepakaran makmal kepada industri atau pihak ketiga

Objektif Strategik 3: Membangunkan Platform *Telepresence*

Platform *telepresence* ialah satu landasan di mana proses pengajaran dan pembelajaran berlaku melalui penggunaan sidang video dan audio dua hala yang interaktif di mana graduan atau staf akademik boleh mengadakan sesi persidangan antara satu sama lain walaupun berada di tempat yang berlainan. Penggunaan *telepresence* juga dapat mengatasi masalah yang kompleks dan sukar dengan pantas berbanding menggunakan telefon dan emel. Pembangunan platform ini juga dijangka dapat membuka peluang dan akses pendidikan tinggi kepada lebih ramai warga Malaysia untuk mengikuti pengajian di UniMAP.

KPI

Peratus platform *telepresence*

INISIATIF

1. Membekalkan talian dan sambungan yang mencukupi untuk tujuan pelaksanaan *telepresence*
2. Membangunkan platform (statik/mudah alih) untuk mobilisasi *telepresence*
3. Memastikan penggunaan platform *telepresence* yang optimum




o. dec	com
ocus	143 com
ome	721 .x1

PENYELIDIKAN TRANSLASIONAL

Direct funds
%%
feedback
?

1	
2	
3	
4	



- Structure and STRATEGY:
- o BUILD
 - o MAINTAIN
 - o DEVELOP
 - o ???
 - o PROFIT

PENYELIDIKAN TRANSLASIONAL: Objektif Strategik

Penyelidikan Translasi di Malaysia telah berjaya menjana RM7.17 billion melalui pulangan pelaburan penyelidikan. Ia didasari tanggungjawab sosial serta hasrat mengguna pakai teknologi dan kepakaran anak tempatan untuk manfaat semua. Dengan impak positif yang dikecapi kerajaan, masyarakat, industri dan universiti, penyelidikan translasi perlu terus diperkukuhkan.

Umum mengetahui, sebahagian produk – produk di universiti awam (UA) sehingga kini hanya berkesudahan pada tahap prototaip dan hanya didemonstrasi di makmal sahaja. Menyedari akan hal tersebut, UniMAP kini sedang mengorak langkah jauh agar penyelidikan yang dihasilkan memberi manfaat kepada masyarakat, kerajaan, industri dan universiti.

Di UniMAP, penyelidikan translasi (*Lonjakan 3; PPPM(PT) 2015-2025*) diterjemahkan melalui pelbagai saluran antaranya inisiatif melalui dana *Knowledge Transfer Programme (KTP)* yang melibatkan penyelidikan seperti berikut: *mysumberv2: Real-Time Cloud-Based Flood Emergency Monitoring, Prediction And Mitigation System, Introduction To Control Cultivation With Optimal Humidity System And Physical Stimulations For High Mushroom Production dan Teknik Penggunaan Kitosan Sebagai Agen Kawalan Kulat Perosak dan Pemangkin Pertumbuhan Miselium di dalam Proses Penanaman Cendawan Vol Variella Vol Vacea Menggunakan Jerami Padi.*

Selain daripada dana KTP, usaha tersebut juga disokong melalui penerimaan geran Jaringan Penyelidikan Awam-Swasta (PPRN) melalui penyelidikan seperti *Development of Shrimp Paste Production Mechine, Beefbar and Chickenbar Forming Machine, Bahulu Filling Machine, Automatic Soap Mixing Machine* dan *Chicken Bone Cutter and Cleaning Machine for Production of "Satay Tulang Ayam"*.

Penyelidikan translasional mampu memperkasakan bakat dan membudayakan inovasi dalam kalangan penyelidik UniMAP agar dapat mencapai keunggulan global, selaras dengan Lonjakan 7 dan Lonjakan 8 PPPM (PT) 2015-2025. Skim pengajian peringkat doktor falsafah sebagai galakan untuk lebih berdaya saing dari segi modal intelektual, penetapan beberapa bidang penyelidikan strategik dan berfokus, dan penyediaan mekanisme pendanaan untuk meningkatkan pelaburan sektor swasta adalah antara pendekatan yang diambil untuk merealisasikan hasrat penyelidikan translasional di UniMAP.

Hasil Penyelidikan Tranlasional seperti buku, artikel jurnal, kertas kerja persidangan dan harta intelek secara langsung akan menaikkan reputasi UniMAP sebagai institusi akademik yang berwibawa yang dapat menyumbang kepada pembangunan sosioekonomi negara dan kesejahteraan rakyat Malaysia, khususnya.

Empat objektif strategik yang telah dikenal pasti bagi matlamat strategik ini ialah:

OS4: Memperoleh pengiktirafan nasional dan global

OS5: Meningkatkan bilangan pemegang PhD

OS6: Melonjakkan inovasi dan penyelidikan

OS7: Membudayakan tanggungjawab sosial universiti (USR)

Objektif Strategik 4: Memperoleh Pengiktirafan Nasional dan Global

Memperoleh pengiktirafan nasional dan global adalah salah satu indikator kecemerlangan penyelidik di UniMAP dalam usaha penyelidikan mereka. Pengiktirafan yang diberikan selalunya adalah berdasarkan impak dan manfaat produk yang dihasilkan kepada pengguna, samada dari pihak industri mahupun ahli komuniti. Justeru, dalam usaha menggalakkan penyelidik UniMAP untuk menyumbang kepada penghasilan produk yang berimpak, OS4 dibangunkan dan akan dipacu melalui beberapa inisiatif utama.

KPI

Bilangan ahli akademik yang mendapat penganugerahan dan pengiktirafan pada peringkat kebangsaan dan antarabangsa

INISIATIF

1. Mewujudkan Insentif
2. Mempertingkatkan Anugerah Promosi
3. Menjalin hubungan strategik dengan badan-badan penganugerahan
4. Melibatkan UniMAP dengan badan-badan penganugerahan
5. Mewujudkan pertubuhan/persatuan sendiri

Objektif Strategik 5: Meningkatkan Bilangan Pemegang PhD

Usaha meningkatkan bilangan pemegang PhD menggambarkan kepentingan yang diletakkan oleh UniMAP terhadap pemerksaan bakat intelektual untuk tujuan pembangunan universiti dan persekitaran. Hal ini termasuklah juga penglibatan staf akademik yang telah tamat pengajian PhD masing-masing dalam aktiviti yang akan menyemarakkan lagi penyelidikan translasional.

KPI

Peratus (%) pensyarah berkeelayakan PhD dan setaraf berbanding jumlah pengisian pensyarah universiti awam

INISIATIF

1. Memantapkan proses pemantauan pengajian PhD ke arah yang lebih berkesan (*graduate on time*)
2. Menggalakkan pengajian PhD di UniMAP.

Objektif Strategik 6: Melonjakkan Inovasi dan Penyelidikan

Objektif untuk melonjakkan inovasi dan penyelidikan merujuk kepada keutamaan yang diletakkan terhadap kecemerlangan penyelidikan di UniMAP dari segi penghasilan inovasi, berbanding dengan bilangan keseluruhan staf akademik. Asas kepada penekanan yang diberikan kepada inovasi dan penyelidikan ialah keperluan untuk ahli penyelidik UniMAP menyumbang kepada penyelesaian masalah dan pembangunan negara melalui kepakaran masing-masing. Bilangan ahli penyelidik di UniMAP perlu digemblengkan untuk mendatangkan impak yang besar dan bermanfaat.

KPI

Nisbah inovasi yang dihasilkan berbanding staf akademik 1:5

INISIATIF

1. Mewujudkan dana khas bagi meningkatkan inovasi
2. Menaiktaraf kemudahan bagi tujuan inovasi (cth. UniMAP Solutions/Lab inovasi)
3. Mewujudkan Dana Prototaip Produk (*Product Prototype Fund*)
4. Mewujudkan UniMAP *Center of Technology*
5. Memperbanyakkan produk inovasi yang dipamerkan di MTU Show

Objektif Strategik 7: Membudayakan USR

UniMAP memainkan peranan yang penting dan bermakna dalam memenuhi tanggungjawab sosialnya, selaku institusi pengajian tinggi dan sebuah institusi awam. Peranan yang dimainkan oleh UniMAP haruslah didasari oleh kepakaran utama dan kesepaduan antara entiti-entiti yang wujud di universiti ini. Pembudayaan USR di UniMAP akan diterjemahkan melalui inisiatif yang telah dikenal pasti.

KPI

Bilangan program/aktiviti USR

INISIATIF

1. Menyediakan dana khas bagi pelaksanaan program USR
2. Membangunkan SOP bagi pelaksanaan program USR
3. Memantapkan pelaporan bagi semua program USR pada pelbagai peringkat di universiti

SISWAZAH SIAGA-INDUSTRI



SISWAZAH SIAGA-INDUSTRI: Objektif Strategik

Penekanan yang diberikan oleh UniMAP terhadap penghasilan siswazah siaga-industri adalah berdasarkan status universiti ini sebagai universiti berfokus dan berteraskan bidang tujahan *Kejuruteraan, Teknologi Kejuruteraan, Teknologi, Sains dan bidang lain yang diperlukan dengan mengutamakan industri elektronik*. Ia bertujuan melahirkan siswazah yang benar-benar memenuhi keperluan industri. Selain menjadi 'pencari pekerjaan', UniMAP berhasrat melahirkan siswazah yang holistik, berciri keusahawanan dan seimbang supaya mereka dapat 'mencipta pekerjaan' (*Lonjakan 1; PPPM(PT) 2015-2025*). Hasrat ini bertepatan dengan sasaran yang telah ditetapkan oleh KPT iaitu sebanyak 5% dari pelajar yang bergraduat menjadikan keusahawanan sebagai kerjaya, ke arah menjadikan Malaysia sebagai sebuah "*Entrepreneurial Nation*". Matlamat strategik ini juga seiring dengan agenda Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) kerajaan, di mana penilaian kecemerlangan pelajar melangkaui prestasi akademik semata-mata.

Empat objektif strategik yang telah dikenal pasti bagi mencapai matlamat strategik ini ialah:

OS8: Melahirkan siswazah diterima MNC/GLC

OS9: Menghasilkan pelajar PNGK >3.00

OS10: Memperkasakan program TVET

OS11: Mengukuhkan kebolehpasaran siswazah

Objektif Strategik 8: Melahirkan Siswazah diterima MNC/GLC

Sepanjang tempoh pengajian mereka, para pelajar diterapkan dengan elemen-elemen berkaitan Industri 4.0 yang mencorakkan perjalanan majoriti industri dunia, khususnya dalam kalangan syarikat multinasional (MNC) dan syarikat berkaitan kerajaan (GLC). Langkah ini diharap akan membawa kepada penerimaan MNC dan GLC akan siswazah UniMAP, sekaligus memberi indikator tentang kualiti warga global yang dihasilkan oleh universiti ini.

KPI

Peratus siswazah yang diterima MNC/GLC

INISIATIF

1. Memperkasakan Program Kerjasama antara Universiti dan semua MNC/GLC dengan memfokuskan kepada latihan industri, peluang biasiswa dan penyelidikan
2. Menjalinkan kerjasama dengan MNC/GLC untuk pemasaran produk /pelajar UniMAP
3. Meningkatkan penyertaan MNC/GLC dalam penganjuran karnival kerjaya
4. Mewujudkan modul asas bagi menggalakkan pelajar berinteraksi/ mengenali MNC/GLC
5. Mewujudkan unit tadbir Universiti/ MNC/ GLC yang menyelaraskan program kerjasama
6. Melaksanakan program Gap Year
7. Menggalakkan kerjasama setiap pusat pengajian/fakulti dengan MNC/GLC melalui program satu pusat pengajian/fakulti, satu GLC/MNC

Objektif Strategik 9: Menghasilkan Pelajar PNGK>3.00

Dalam usaha memupuk pelajar untuk menjadi siswazah yang holistik, berciri keusahawanan dan seimbang, UniMAP meletakkan keutamaan yang sama rata terhadap pembangunan pelajar dari aspek akademik dan bukan akademik. Melalui inisiatif yang diambil, termasuk meningkatkan kualiti tadbir urus dan penambahbaikan ekosistem berkaitan pengajaran dan pembelajaran, UniMAP berharap dapat menghasilkan warga global yang cemerlang.

KPI

Peratus graduan memperoleh PNGK > 3.00

INISIATIF

1. Melaksanakan program promosi secara agresif untuk menarik pelajar lepasan SPM/Matrik yang cemerlang mengikuti pengajian di UniMAP
2. Memberi pemahaman Peraturan Akademik yang lebih jelas kepada pelajar
3. Memperkasakan peranan Rakan Pembimbing Siswa (RPS)
4. Memperkenalkan anugerah/ganjaran yang bersesuaian kepada pelajar
5. Mewujudkan ekosistem pembelajaran yang lebih ceria dan berlandaskan keperluan untuk hormat-menghormati antara satu sama lain

Objektif Strategik 10: Memperkasakan Program TVET

Bidang tujahan UniMAP ialah Kejuruteraan, Teknologi Kejuruteraan, Teknologi, Sains dan bidang lain yang diperlukan dengan mengutamakan industri elektronik. Justeru, UniMAP memainkan peranan teras memperkasakan program TVET. Hal ini selari dengan Lonjakan 4 PPPM (PT) 2015-2025.

KPI

Bilangan enrolmen pelajar dalam program TVET di UniMAP

INISIATIF

1. Memantapkan peranan Pusat Pengajian Diploma (PPD) dan Fakulti Teknologi Kejuruteraan (FTK) sebagai tunjang TVET
2. Mempertingkatkan sumber manusia, kewangan dan fizikal
3. Menambah bilangan program TVET bagi memenuhi keperluan industri
4. Memastikan pelajar bergraduasi dengan nilai tambah melalui pemerolehan sijil-sijil professional (cth. CISCO, SKM, COWAM)
5. Memperkenalkan program-program berbentuk 2U2I bagi FTK, dan 2U1I bagi PPD
6. Memperkenalkan *bridging program*
7. Melibatkan kerjasama insutri dalam projek tahun akhir pelajar

Objektif Strategik 11: Mengukuhkan Kebolehpasaran Siswazah

Dalam usaha mengukuhkan kebolehpasaran siswazah, UniMAP memastikan wujudnya penggabungan elemen teknologi dan kepakaran merentasi kurikulum dan bidang pengajian. Dengan kurikulum yang mengambil kira keperluan Industri 4.0, serta keakraban hubungan UniMAP dengan pihak industri, serta pelaksanaan inisiatif yang berkaitan, kebolehpasaran siswazah dijangka dapat melepasi sasaran 85% bagi setiap kelompok pelajar yang bergraduasi daripada universiti ini. Pelajar juga akan diperteguhkan jatidiri dengan nilai-nilai kasih sayang, kegembiraan dan saling hormat-menghormati sepanjang dalam tempoh pengajian di UniMAP.

KPI

Peratus graduan yang mendapat pekerjaan, menjadi usahawan, melanjutkan pengajian, meningkatkan kemahiran atau menunggu penempatan, pada tahun konvokesyen

INISIATIF

1. Mengeluarkan surat tawaran bersyarat kepada semua pelajar tahun akhir pada peringkat ijazah sarjana muda (ISM) untuk melanjutkan pengajian padaperingkat pasca-siswazah di UniMAP
2. Membangunkan bank *resume* pelajar
3. Meningkatkan bilangan pensijilan daripada industri (eg. CISCO, SKM, COWAM) yang diperolehi pelajar sebelum bergraduasi
4. Meningkatkan bilangan temuduga dalaman yang melibatkan syarikat-syarikat ternama sebelum pelajar bergraduasi
5. Meningkatkan program pengajian yang berbentuk 2U2I ataupun 3U1I
6. Melaksanakan kursus kompetensi (cth. kemahiran komunikasi dan kepimpinan) untuk semua pelajar sebelum bergraduasi
7. Menawarkan kemudahan dan ruang untuk menjana kreativiti dan budaya inovatif dalam kalangan para mahasiswa bertaraf dunia melalui pembangunan *Makerspace*

PEMANGKIN: FAKTOR KRITIKAL KEJAYAAN

- MENCIPTA KEKAYAAN**
- MENCEMERLANGKAN BAKAT**
- MEMANTAPKAN INFRASTRUKTUR**
- MENGUKUHKAN INFOSTRUKTUR**



A young green plant with several leaves is growing out of a stack of coins. The coins are stacked on a wooden surface. The background is a soft, out-of-focus green and yellow, suggesting a natural setting. The text "MENCIPTA KEKAYAAN" is overlaid on the image in a bold, black font.

MENCIPTA KEKAYAAN

MENCIPTA KEKAYAAN: Objektif Strategik

Panduan Mencipta Kekayaan bagi UniMAP 2025 adalah berteraskan kepada Lonjakan 5, Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (Pendidikan Tinggi) 2015-2025 yang memberi penumpuan kepada Kemampanan Kewangan. Dasar dan objektif yang dibangunkan diharapkan mampu memberi impak yang menyeluruh bukan sahaja kepada pelajar tetapi juga kepada staf berdasarkan kapasiti, keupayaan intelektual dan bidang tugas masing-masing sehingga tercapainya hasrat mewujudkan kelangsungan kewangan di universiti ini.

Lima objektif strategik yang telah dikenal pasti bagi Mencipta Kekayaan ialah:

- OS12:** Melibatkan UniMAP dalam Jaringan Amalan Terbaik (*Best Practices Network*)
- OS13:** Memperoleh dana penyelidikan
- OS14:** Meningkatkan nilai endowmen
- OS15:** Memperkasakan dana keusahawanan
- OS16:** Memampankan kewangan

Objektif Strategik 12: Melibatkan UniMAP Dalam Jaringan Amalan Terbaik

Berdasarkan tema 4.0 Perkongsian Memacu Pembangunan, UniMAP mengiktiraf kepentingan melibatkan diri dengan jaringan amalan terbaik (*best practices network*). Keterlibatan UniMAP penting dalam usaha meningkatkan keupayaan kewangan universiti.

KPI

Peratus jaringan amalan terbaik

INISIATIF

Merebut peluang daripada jaringan strategik UniMAP yang akan menyumbang kepada peningkatan kewangan, melalui:

1. Badan-badan profesional
2. Organisasi/institusi strategik tempatan dan antarabangsa
3. Kerajaan pusat dan negeri
4. Pertubuhan bukan kerajaan (NGO)

Objektif Strategik 13: Memperoleh Dana Penyelidikan

Penyelidikan ialah salah satu aktiviti penting universiti di samping pengajaran dan pembelajaran. Penyelidikan pada amnya dapat dilaksanakan dengan adanya geran tertentu untuk menyokong aktiviti penyelidikan tersebut. Dana tersebut dapat membantu UniMAP meneruskan kelangsungan fungsi teras universiti, dan sekaligus membuktikan keyakinan pihak pemberi geran terhadap UniMAP melalui kredibiliti para penyelidik universiti.

KPI

Jumlah geran (RM) yang diterima:

- i. Geran nasional
- ii. Geran antarabangsa
- iii. Geran industri

INISIATIF

1. Menaik taraf fasiliti bagi memenuhi permintaan teknologi semasa industri yang akan menarik pelaburan (geran) industri
2. Menggalakkan penyelidikan multi-disiplin berfokuskan bidang tujuan UniMAP
3. Memberi insentif khas dalam menggalakkan penyelidikan berorientasikan masyarakat dan industri
4. Meningkatkan kerjasama dengan agensi/institusi berkaitan untuk mewujudkan persekitaran yang menyokong penyelidikan dipacu universiti dan industri (*university- and industry-driven*)

Objektif Strategik 14: Meningkatkan Nilai Endowmen

UniMAP menawarkan peluang wakaf dan endowmen. Empat peluang utama yang ditawarkan adalah akademik, keusahawanan, infrastruktur dan kesejahteraan ummah.

Peluang dari segi akademik, antaranya ialah penawaran biasiswa kepada pelajar, staf serta komuniti, penawaran kursi akademik, serta penyelidikan contohnya, dalam bidang Kejuruteraan, Komunikasi dan Perniagaan.

Keduanya ialah penawaran kemudahan kepada pelajar menceburkan diri dalam bidang keusahawanan, seperti penyediaan premis perniagaan dalam kampus, serta penyediaan modal awal kepada mereka yang ingin memulakan perniagaan.

Tabung endowmen pembangunan keusahawanan pelajar juga akan diwujudkan. Ketiga, berkaitan infrastruktur, melalui wakaf dan endowmen, UniMAP dapat memberi kemudahan yang kondusif untuk pelajar seperti kelas dan makmal, serta masjid dan sebagainya kepada staf dan komuniti setempat. Akhir sekali, wakaf atau sumbangan boleh diberi kepada pelajar-pelajar yang kurang berkemampuan, staf serta komuniti untuk tujuan meningkatkan kesejahteraan ummah. UniMAP juga menawarkan perkhidmatan kesihatan kepada warga UniMAP dan ahli masyarakat setempat seperti UniMAP Care Clinic.

KPI

Nilai endowmen

INISIATIF

1. Endowmen bagi sokongan fakulti
2. Endowmen bagi sokongan pelajar
3. *Named School and Academic Units*
4. *Named Residential Colleges and Academy*
5. Membangunkan endowmen bagi penyelidikan industri

Objektif Strategik 15: Memperkasakan Dana Keusahawanan

Matlamat Mencipta Kekayaan juga memberi fokus kepada usaha mewujudkan ekosistem keusahawanan yang kondusif dan lestari demi merealisasikan hasrat untuk menjadikan Malaysia sebagai sebuah "*Entrepreneurial Nation*". Hasrat ini mampu dicapai dengan penumpuan yang diberikan kepada menambah baik ekosistem yang menyokong pembangunan keusahawanan pelajar dan memperkukuhkan kompetensi tenaga pengajar keusahawanan, yang akan dibantu dengan adanya dana keusahawanan yang kukuh. Ekosistem yang mantap juga akan mampu menarik lebih banyak dana keusahawanan.

KPI

Jumlah dana keusahawanan yang diperolehi

INISIATIF

1. Mengukuhkan jaringan dan hubungan antara usahawan dan badan-badan perniagaan dalam usaha mendapatkan dana
2. Mempraktikkan strategi harga (*pricing strategy*) untuk menarik minat pelanggan
3. Memperluaskan fungsi One Stop Centre (OSC) bagi merangkumi semua jabatan

Objektif Strategik 16: Memampankan Kewangan

Lantaran peri pentingnya dasar dan objektif yang bersifat “*utilising public funding and self-generated income*” dan “*establish university holding companies, an endowment, and waqf entities to carry over financial surpluses and build up reserves*”, maka inisiatif tambahan perlulah ditambahbaik dan dipertingkatkan di UniMAP. Untuk tujuan tersebut, UniMAP perlu mempelbagaikan sumber pendapatannya tanpa perlu menaikkan yuran pengajian bagi pelajar prasiswazah. Penjanaan pendapatan melalui sumber baharu amat penting bagi memastikan kemampunan pembangunan akademik dan fizikal.

KPI

Jumlah penjanaan pendapatan sendiri berbanding dengan jumlah perbelanjaan mengurus, yang telah ditetapkan

INISIATIF

1. Membangunkan pelan mempelbagaikan sumber pendapatan universiti yang bersepadu
2. Mewujudkan kumpulan pemasaran untuk mempromosikan kegiatan penjanaan kewangan



MENCEMERLANGKAN BAKAT

MENCEMERLANGKAN BAKAT: Objektif Strategik

Perkembangan global yang memberi kesan kepada ekosistem pengajian tinggi turut dirasai di UniMAP. Bakat bukan akademik di universiti, dalam konteks ini, mendapati diri mereka memainkan peranan yang tidak kurang pentingnya berbanding staf akademik. Transformasi keperluan skop kerja ini dicetuskan oleh beberapa perkembangan utama, seperti kemajuan teknologi maklumat, perubahan dalam sistem penyampaian pengajian tinggi dan penerapan budaya keusahawanan yang menuntut kepada perubahan cara kerja.

Selaras dengan perkembangan tersebut, dan Lonjakan 2 - Mencemerlangkan Bakat, Pelan Strategik Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) 2016-2020, UniMAP komited untuk membangunkan satu pelan pembangunan kepimpinan bakat dalam kalangan staf bukan akademik yang dapat memacu ke arah kecemerlangan universiti di dalam negara dan pada persada antarabangsa. UniMAP mengiktiraf bahawa staf bukan akademik juga merupakan tulang belakang atau sokongan kepada tenaga akademik universiti ke arah mencapai antara universiti terbaik dunia.

Dalam usaha ke arah memupuk komuniti staf bukan akademik yang komited, berusaha secara berterusan untuk meningkatkan kualiti, menyokong pembangunan profesional, progresif serta cemerlang dalam pengurusan dan pentadbiran universiti, empat objektif strategik telah dikenalpasti sebagai pemangkin kepada UniMAP 2025:

OS17: Mengiktiraf staf yang dihargai pada pelbagai peringkat

OS18: Menawarkan program sangkutan (*attachment*) kepada staf

OS19: Menggalakkan pembelajaran sepanjang hayat

OS20: Membangunkan program Kepimpinan Cemerlang

Objektif Strategik 17: Mengiktiraf Staf Yang dihargai Pada Pelbagai Peringkat

UniMAP dalam era IR4.0, mensasarkan menjelang tahun 2025, sebanyak 10% staf bukan akademik akan mendapat penganugerahan dan pengiktirafan (*recognition*) pada peringkat kebangsaan dan antarabangsa. Ini termasuklah siji-sijil profesional daripada mana-mana badan yang iktiraf ataupun penerimaan pingat/darjah kebesaran yang dikurniakan pada peringkat negeri atau persekutuan. UniMAP juga perlu mempunyai kumpulan pakar rujuk yang diiktiraf dalam membawa universiti ke arah yang lebih cemerlang.

KPI

Peratus staf bukan akademik yang mempunyai kepakaran /kelayakan profesional/ penganugerahan yang diiktiraf pada peringkat kebangsaan dan antarabangsa

INISIATIF

1. Menggalakkan staf bukan akademik untuk mengikuti kursus-kursus profesional
2. Mewujudkan Insentif bagi staf yang memperolehi kelayakan profesional yang menyumbang kepada pembangunan universiti
3. Mewujudkan kumpulan pakar dalam program *Training of Trainers* (TOT)

Objektif Strategik 18: Menawarkan Program Sangkutan (*attachment*) Kepada Staf

Untuk tujuan pementapan diri, staf diberi peluang untuk mengikuti program sangkutan (*attachment*) di Pusat Tanggungjawab (PTj) lain di UniMAP. Untuk memperoleh pengalaman yang lebih luas, staf akan diberi peluang untuk mengikuti program sangkutan di organisasi atau institusi lain sama ada di dalam atau di luar Negara. Disasarkan 5% staf akan berjaya mengikuti program sangkutan sehingga tahun 2025.

KPI

Peratus staf bukan akademik yang mengikuti program sangkutan di PTj lain di UniMAP atau di organisasi/institusi lain di dalam atau di luar Negara

INISIATIF

1. Mengenalpasti PTj-PTj di UniMAP yang bersesuaian untuk penempatan sangkutan staf
2. Mengenalpasti organisasi/institusi luar yang relevan untuk penempatan sangkutan staf
3. Mengenalpasti staf-staf yang berpotensi untuk mengikuti program sangkutan

Objektif Strategik 19: Menggalakkan Pembelajaran Sepanjang Hayat

Untuk tujuan peningkatan kerjaya dan pengembangan diri, staf bukan akademik digalakkan untuk menerapkan nilai-nilai yang selari dengan konsep pembelajaran sepanjang hayat, seperti memantapkan kelayakan akademik mereka. Skim latihan cuti belajar staf bukan akademik akan ditambah baik bagi memberi peluang kepada staf pentadbiran untuk menyambung pengajian ke tahap yang lebih tinggi. Dijangka menjelang 2025 sebanyak 25% staf pentadbiran akan memperolehi tahap pendidikan yang lebih tinggi berbanding syarat minima ke pelantikan jawatan mereka. Ini akan memberi satu nilai tambah kepada staf yang terlibat dan juga akan memanfaatkan universiti dari segi kapasiti intelektual.

KPI

Peratus staf bukan akademik yang mempunyai kelayakan akademik lebih tinggi berbanding syarat minima pelantikan

INISIATIF

1. Menambahbaik Skim Latihan Cuti Belajar kepada staf bukan akademik
2. Mengenalpasti peluang-peluang pembiayaan daripada institusi luar untuk Skim Latihan Cuti Belajar staf bukan akademik

Objektif Strategik 20: Membangunkan program Kepimpinan Cemerlang

UniMAP akan membangunkan Program Kepimpinan Cemerlang (Fasa 1) bertujuan memupuk bakat kepimpinan dalam kalangan staf bukan akademik. Hasrat program ini ialah untuk melahirkan pemimpin yang berkaliber dalam kalangan komuniti pentadbir dan staf bukan akademik lain. Semua staf bukan akademik dari kumpulan Pengurusan dan Profesional diwajibkan mengikuti program ini, yang dijangka akan dilaksanakan mengikut fasa.

KPI

Peratus staf bukan akademik yang mengikuti Program Kepimpinan Cemerlang

INISIATIF

1. Mewujudkan modul Program Kepimpinan Cemerlang
2. Memupuk bakat kepimpinan kepada semua staf bukan akademik (P&P)



UMAP
UNIVERSITI MALAYSIA PERLIS



**MEMANTAPKAN
INFRASTRUKTUR**

MEMANTAPKAN INFRASTRUKTUR

Objektif Strategik

Kemudahan infrastruktur yang baik dan mantap memastikan persekitaran universiti yang kondusif untuk segala aktiviti teras universiti dapat dilaksanakan dalam suasana sempurna, harmoni dan menyenangkan. Pembangunan infrastruktur UniMAP berusaha memenuhi keperluan dan tuntutan warga universiti melalui perancangan, pembangunan, pemantapan, pembaharuan dan penyelenggaraan kemudahan-kemudahan yang dibekalkan.

Walau bagaimanapun, usaha memelihara persekitaran kampus secara kolektif dan kerjasama antara semua pihak di universiti perlu dipertingkatkan untuk menyangga agenda penjimatan tanpa mengurangkan nilai perkhidmatan yang ditawarkan.

Tiga objektif strategik yang telah dikenalpasti sebagai pemangkin kepada UniMAP 2025:

OS21: Meningkatkan kualiti kemudahan prasarana

OS22: Meningkatkan kualiti kemudahan makanan dan minuman

OS23: Meningkatkan kualiti kemudahan pengangkutan

Objektif Strategik 21: Meningkatkan Kualiti Kemudahan Prasarana

Kemudahan prasarana merujuk kepada semua kemudahan awam yang dibekalkan di universiti dalam usaha memastikan keselesaan dan keselamatan semua warga universiti dan pihak awam yang menggunakan kemudahan tersebut. Usaha peningkatan kualiti kemudahan prasarana adalah berlandaskan keutamaan yang diletakkan terhadap kelestarian universiti.

Peningkatan kualiti kemudahan prasarana ialah satu usaha yang berterusan yang akan bergerak selari dengan hasrat UniMAP 2025.

KPI

Tahap kepuasan kualiti kemudahan prasarana

INISIATIF

1. Meningkatkan kualiti prasarana ke taraf antarabangsa
2. Membangunkan garis panduan kualiti prasarana berteraskan aspek universiti lestari
3. Mewujudkan sistem cadangan dan maklum balas tentang kualiti prasarana yang dinamik, telus dan responsif bagi warga universiti dan awam untuk tujuan penambahbaikan berterusan

Objektif Strategik 22: Meningkatkan Kualiti Kemudahan Makanan & Minuman

Sebagai sebuah universiti yang menempatkan lebih dari 13,000 orang pelajar, dan jumlah yang besar juga dari kalangan warga stafnya, UniMAP mempunyai tanggungjawab besar untuk memastikan kualiti kemudahan makanan dan minuman yang dibekalkan adalah yang terbaik.

Peningkatan kualiti kemudahan makanan dan minuman ialah satu usaha yang berterusan yang akan bergerak selari dengan hasrat UniMAP 2025.

KPI

Tahap kepuasan kualiti kemudahan makanan & minuman

INISIATIF

1. Membangunkan garis panduan kualiti penawaran khidmat dan penyelenggaraan premis makanan & minuman di universiti
2. Membangunkan kriteria penilaian kualiti premis yang dinilai oleh pelbagai pihak, termasuk pelanggan
3. Mewujudkan sistem cadangan dan maklum balas pelanggan yang dinamik, telus dan responsif.

Objektif Strategik 23: Meningkatkan Kualiti Kemudahan Pengangkutan

Kampus UniMAP beroperasi berasaskan konsep kampus bertaburan (*distributed campus*). Justeru, kemudahan pengangkutan yang berkualiti, terutamanya bagi pelajar universiti, ialah satu aspek yang amat kritikal yang perlu diberi keutamaan dalam usaha mencapai UniMAP 2025.

KPI

Tahap kepuasan kualiti kemudahan pengangkutan

INISIATIF

1. Mewujudkan sistem cadangan dan maklum balas tentang kualiti kemudahan pengangkutan yang dinamik, telus dan responsif bagi warga universiti dan awam untuk tujuan penambahbaikan berterusan



MENGUKUHKAN INFOSTRUKTUR

MENGUKUHKAN INFOSTRUKTUR: Objektif Strategik

UniMAP 2025 meletakkan keutamaan kepada teknologi maklumat, keupayaan dan penggunaan sistem, serta teknologi komunikasi maya, terutama dalam teras-teras pengajaran/pembelajaran dan penyelidikan. Berkait secara langsung kepada pemangkini ini ialah matlamat strategik Pengajaran Berasaskan Inovasi dan Penyelidikan Translasi. Pembangunan kapasiti pelajar dan bakat staf UniMAP juga amat bergantung kepada kemudahan-kemudahan yang melibatkan penggunaan sistem tertentu dan teknologi maklumat termaju. Sistem governan universiti juga menggunakan teknologi maklumat dalam sebahagian besar operasi tadbir urusnya. Justeru, kemudahan infostruktur yang baik amat penting untuk memastikan UniMAP 2025 dapat dicapai. Kemudahan infostruktur merujuk kepada segala keperluan yang akan membawa kepada wujudnya sistem rangkaian dan capaian yang optimum, supaya semua operasi yang mempunyai kebergantungan terhadap kemudahan ini dapat berjalan dengan lancar.

Objektif strategik yang telah dikenalpasti bagi matlamat strategik ini ialah:

OS24: menaik taraf sistem komunikasi.

Objektif Strategik 24: Menaik Taraf Sistem Komunikasi

Objektif ini memberi penekanan kepada aspek kecekapan dan keberkesanan penyediaan kemudahan dan penggunaan teknologi komunikasi. Ia juga melibatkan peningkatan kualiti perkhidmatan ICT yang akan meluaskan akses warga universiti kepada maklumat, pada masa yang sama memastikan penggunaan kemudahan, perisian dan aplikasi yang berhemah, selari dengan konsep kelestarian yang diraikan di UniMAP.

KPI

Bilangan *wireless access point* dalam kampus

- i. Pauh Putra
- ii. Kampus Uniciti

INISIATIF

1. Meningkatkan keupayaan infostruktur ICT ke tahap mesra pengguna dalaman dan antarabangsa
2. Melebarkan jaringan komunikasi organisasi
3. Meneroka keperluan untuk mengintegrasikan sistem-sistem sedia ada berdasarkan perspektif pengguna supaya perkhidmatan universiti menjadi lebih efisien.

RINGKASAN KPI & SASARAN

MATLAMAT STRATEGIK	OBJEKTIF STRATEGIK	KPI	SASARAN 2025	
KEBERHASILAN	Pengajaran Berpaksikan Inovasi	Memantapkan sistem pendidikan berintegrasi	Peratus pelaksanaan sistem pendidikan berintegrasi	50%
		Mewujudkan makmal industri	Peratus makmal industri	30%
		Membangunkan platform <i>telepresence</i>	Peratus platform <i>telepresence</i>	50%
	Penyelidikan Translasi	Memperoleh pengiktirafan nasional dan global	Bilangan ahli akademik yang mendapat penganugerahan dan pengiktirafan pada peringkat kebangsaan dan antarabangsa	50%
		Meningkatkan bilangan pemegang PhD	Peratus (%) pensyarah berkeelayakan PhD dan setaraf berbanding jumlah pengisian pensyarah	65%
			% GOT bagi Pelajar Phd Bergraduat	65%
		Melonjakkan inovasi dan penyelidikan	Nisbah inovasi berbanding staf akademik	1:5
		Membudayakan USR	Bilangan program/aktiviti USR	100
		Siswazah Siaga-Industri	Melahirkan siswazah diterima MNC/GLC	Peratus siswazah yang diterima MNC/GLC
	Menghasilkan pelajar CGPA.3.00		Peratus graduan memperoleh PNGK > 3.00	50%
	Memperkasakan program TVET		Bilangan enrolmen pelajar dalam program TVET	60%
	Mengukuhkan kebolehpasaran siswazah		Peratus graduan yang mendapat pekerjaan, menjadi usahawan, melanjutkan pengajian, meningkatkan kemahiran atau menunggu penempatan, pada tahun konvokesyen.	85%

MATLAMAT STRATEGIK	OBJEKTIF STRATEGIK	PENGUKUR PRESTASI UTAMA (KPI)	SASARAN 2025	
PEMANGKIN	Mencipta Kekayaan	Melibatkan UniMAP dalam Jaringan Amalan Terbaik	Peratus jaringan amalan terbaik	25%
		Memperoleh dana penyelidikan	Jumlah geran yang diterima i. Geran Nasional ii. Geran Antarabangsa iii. Geran Industri	RM10juta
		Meningkatkan nilai endowmen	Nilai endowmen (RM).	RM30juta
		Memperkasakan dana keusahawanan	Jumlah dana keusahawanan	RM1.35juta
		Memampankan kewangan	Jumlah penjanaan pendapatan sendiri berbanding dengan jumlah perbelanjaan mengurus, yang telah ditetapkan.	30%
	Mencemerlangkan Bakat	Mengiktiraf staf yang dihargai pada pelbagai peringkat	Peratus staf bukan akademik yang mempunyai kepakaran / kelayakan profesional/ penganugerahan yang diiktiraf pada peringkat kebangsaan dan antarabangsa.	10%
		Menawarkan program sangkutan (attachment) kepada staf	Peratus staf bukan akademik yang mengikuti program sangkutan di PTj lain di UniMAP atau di organisasi/ institusi lain di dalam atau di luar Negara.	5%
		Menggalakkan pembelajaran sepanjang hayat	Peratus staf bukan akademik yang mempunyai kelayakan akademik lebih tinggi berbanding syarat minima pelantikan.	25%
		Membangunkan program Kepimpinan Cemerlang	Peratus staf bukan akademik yang mengikuti Program Kepimpinan Cemerlang	100%
	Memantapkan Infrastruktur	Meningkatkan kualiti kemudahan makanan & minuman	Tahap kepuasan kualiti kemudahan makanan & minuman	85%
		Meningkatkan kualiti kemudahan prasarana	Tahap kepuasan kualiti kemudahan prasarana	85%
		Meningkatkan kualiti kemudahan pengangkutan	Tahap kepuasan kualiti kemudahan pengangkutan	85%
	Mengukuhkan Infrastruktur	Menaiktaraf sistem komunikasi	Bilangan <i>wireless access point</i> dalam kampus; i. Pauh Putra ii. Kampus Uniciti	400 400

SIDANG EDITOR

PENASIHAT

YBhg. Dato' Prof. Dr. Zul Azhar Zahid Jamal

KETUA EDITOR

Prof. Dr. Harshita Aini Haroon

EDITOR

YBhg. Datin Prof. Dr. Zuraidah Zain

Prof. Ir. Dr. Rezuwan Kamaruddin

Prof. Madya Mohd Fo'ad Sadan

Prof. Dr. Uda Hashim

YBhg. Dato' Wira Prof. Dr. Salleh Hj. Din

Prof. Madya Dr. Muhammad Shahar Jusoh

Cik Hajjah Ruzalina Ibnu Ruslan

PENYELARAS PENERBITAN

Puan Nurul Asyikin Fadzil

Puan Siti Farah Syazana Mohamed Yusoff

Puan Zauyah Mustafa

PEREKA GRAFIK

Puan Nurul Asyikin Fadzil

Puan Zauyah Mustafa

TERBITAN

PUSAT PEMBANGUNAN KORPORAT DAN PENGURUSAN KUALITI (PUSPEK)